



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.47 (66)

Tarikh : 18 Disember 2017

## **Siaran Media**

Muar, 18 Disember 2017 - YB Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan Karnival Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 bertemakan Tandas Kita: Saya Peduli, Anda ? pada pagi ini.

2. Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Muar menganjurkan Karnival Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 ini adalah untuk meningkatkan amalan kesedaran dan kepentingan sanitasi tandas yang bersih dalam kehidupan manusia. Amalan tandas bersih ini akan meningkatkan imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan bersih. Tarikh Sambutan Hari Tandas Sedunia yang sebenar ialah pada 19 November 2017.

3. Karnival yang dianjurkan selama 3 hari ini bermula dari 16 - 18 Disember 2017 ini menyasarkan orang ramai, pihak berkuasa tempatan, penguasa stesen minyak, konsesi lebuhraya, persatuan bukan kerajaan berkaitan tandas ini menyediakan pelbagai aktiviti menarik antaranya ialah seminar pengurusan tandas awam, pameran peralatan berkaitan tandas, model tandas bersih, persembahan artis jemputan dan konti Johor FM.

4. Pada pagi ini disampaikan oleh hadiah bagi pemenang Pertandingan Tandas Bersih 1Malaysia bagi 12 Kategori yang dipertandingkan seperti yang dilampirkan.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLAN Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

- KATEGORI 1 : TANDAS PBT (BERTARAF BANDARAYA/  
PERBANDARAN)**
- KATEGORI 2 : TANDAS PBT (BERTARAF DAERAH)**
- KATEGORI 3 : TANDAS AWAM STESEN MINYAK**
- KATEGORI 4 : TANDAS PUSAT BELI BELAH**
- KATEGORI 5 : TANDAS INTITUSI PENGAJIAN  
TINGGI AWAM/SWASTA**
- KATEGORI 6 : TANDAS SEKOLAH MENENGAH**
- KATEGORI 7 : TANDAS SEKOLAH RENDAH**
- KATEGORI 8 : TANDAS RESTORAN**
- KATEGORI 9 : TANDAS KAWASAN PELANCONGAN**
- KATEGORI 10 : TANDAS PEJABAT KERAJAAN**
- KATEGORI 11 : TANDAS HENTIAN AWAM**
- KATEGORI 12 : TANDAS RUMAH IBADAT**